

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 48

DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif atau tindakan jangka masa pendek dan panjang Kementerian bagi menangani isu lambakan graduan doktor perubatan dan jururawat yang masih belum mendapat penempatan di hospital hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi graduan perubatan, antara tindakan jangka masa pendek yang diambil oleh KKM bagi mempercepatkan latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah yang kini telah berjumlah 47 buah hospital dengan jumlah slot latihan sebanyak 12,033. Selain itu, KKM juga menambah bilangan penempatan alternatif dalam penempatan latihan siswazah daripada 5 penempatan kepada 9 penempatan di Klinik-klinik Kesihatan; dan
2. Melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara untuk tempoh 5 tahun sehingga 2021.

Manakala, bagi jangka masa panjang, KKM sedang/akan melaksanakan inisiatif berikut:

1. Menambah bilangan hospital baru yang memenuhi syarat akreditasi untuk dijadikan sebagai Hospital Latihan Siswazah. Sebanyak 8 buah hospital sedia ada sedang diteliti untuk diiktiraf sebagai Hospital Latihan Siswazah dalam tempoh 2 tahun (2020-2021). Dengan pertambahan tersebut, sebanyak 400 slot latihan akan dapat disediakan;

2. Meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada Pegawai Perubatan Siswazah berkenaan; dan

3. Majlis Perubatan Malaysia melaksanakan *Licensing Examination* bagi semua graduan perubatan dalam dan luar negara bagi memastikan hanya calon yang memenuhi syarat minimum yang ditetapkan dapat dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah.

Dalam pada itu, bagi memanfaatkan ilmu yang diperolehi setelah tamat belajar, graduan perubatan warganegara Malaysia boleh menyertai Program Sangkutan Klinikal secara sukarela bagi mendapatkan pendedahan pengalaman di fasiliti KKM sebelum dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah.

Bagi graduan Jururawat Institut Latihan KKM pula, antara tindakan yang telah diambil oleh KKM bagi menangani isu lambakan graduan dan mempercepatkan penempatan di fasiliti kesihatan adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan pelantikan secara tetap mengikut baki kekosongan jawatan sedia ada di fasiliti kesihatan;
2. Mencadangkan kepada Agensi Pusat untuk melantik graduan jururawat tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan bagi

memenuhi keperluan perkhidmatan di fasiliti kesihatan di seluruh negara;

3. Melaksanakan Moratorium Penawaran Kursus Kejururawatan Peringkat Diploma Di Institut Pendidikan Tinggi Swasta mulai September 2010. Dengan pelaksanaan moratorium ini, Kementerian Pengajian Tinggi tidak akan mempertimbangkan bagi sebarang permohonan penubuhan institusi, fakulti dan program baru untuk bidang kejururawatan sehingga moratorium ini ditarik balik; dan

4. Mengurangkan pengambilan pelatih jururawat bagi kemasukan ke Institut Latihan KKM dan secara tidak langsung mengurangkan jumlah keluaran graduan. Langkah ini telah dilaksanakan sejak tahun 2016. Pada tahun 2018, terdapat seramai 2,123 orang keluaran Graduan Diploma Kejururawatan ILKKM iaitu pengurangan sebanyak 30% berbanding pada tahun 2014 iaitu seramai 3,020 graduan.

Sekian, terima kasih.